



UCAPAN ALUAN
YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR

KARNIVAL JOM E-WASTE
TARIKH: 12 OKTOBER 2024 (SABTU)
MASA: 9.00 PAGI
TEMPAT: AEON AU2 SETIAWANGSA, KUALA LUMPUR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia Madani

Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Menteri

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Yang Berusaha Dr. Norhazni Binti Mat Sari

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Yang Berusaha Pn. Hjh Azuri Azizah Bt Hj Saedon

Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik

Menanggung Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Pegawai-pegawai kanan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam,

Pegawai-Pegawai Jabatan Alam Sekitar

Wakil-wakil rakan strategik dan pihak media

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati dan kasihi sekalian.

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk menjayakan Program Karnival Jom E-Waste 2024. Terima kasih saya ucapkan kepada YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian atas kesudian menghadiri program ini. Karnival ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang awam tentang kepentingan mengurus dan melupuskan e-waste dengan cara yang betul dan mesra alam.

2. Selaras dengan tema e-waste, iaitu **“E-Waste Dikitar, Bumi Terpelihara”**, pelbagai program dan aktiviti telah dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam usaha berterusan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan pengurusan e-waste secara mesra alam bagi memelihara bumi yang kita diami ini.

3. Pengurusan e-waste secara mesra alam ini sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-12, khususnya melalui **Tema 3: Melonjak Kemampanan**, yang menggariskan agenda Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan. Konsep ekonomi kitaran diketengahkan dalam pengurusan buangan di Malaysia, dengan fokus kepada peralihan daripada waste to wealth dan waste as resources.

Hadirin yang dihormati,

4. Untuk melaksanakan agenda ini, amat penting bagi kita mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau. Oleh itu, JAS telah **memperkenalkan 251 pusat dan tempat pengumpulan e-waste berdaftar** di seluruh negara. Usaha memperluas pusat-pusat ini sedang giat dilaksanakan bagi menggalakkan lebih banyak pihak, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan korporat, NGO, peruncit, dan sektor swasta, untuk mewujudkan pusat pengumpulan e-waste yang berdaftar.
5. JAS juga sedang menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Ekonomi Kitaran untuk Pengurusan Buangan Terjadual di bawah Rancangan Malaysia ke-12, dengan memberi fokus kepada 10 kod buangan terjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Model ekonomi kitaran ini bertujuan mengurangkan pelupusan buangan terjadual ke tapak pelupusan selamat, serta meningkatkan produktiviti industri kitar semula di Malaysia, sejajar

dengan hierarki pengurusan buangan daripada **cradle to grave** kepada **cradle to cradle**.

6. Mekanisme Pengurusan E-Waste, yang diperkenalkan pada 2021, telah mengadakan **1,161 program pengumpulan sehingga Ogos 2024**, dengan sejumlah **2,123.73 metrik tan e-waste berjaya dikumpulkan**. Walau bagaimanapun pemerikasaan berhubung kepentingan mengurus e-waste ini masih rendah, berbanding dengan anggaran penjanaan e-waste yang **dijangka mencecah 285,000 MT menjelang 2025**. Peningkatan penggunaan peralatan elektrik dan elektronik seperti telefon bimbit dan komputer riba turut menyumbang kepada peningkatan ini. Oleh itu, kempen kesedaran berkaitan pengurusan e-waste perlu dilaksanakan secara berterusan bagi mewujudkan masyarakat yang lebih peka dan cakna terhadap pengurusan e-waste.
7. Pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya” menggambarkan usaha JAS dalam meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui pelbagai kempen, termasuk pertandingan video pendek berkaitan e-waste dan ekonomi kitaran. Pertandingan ini menarik lebih daripada 80 penyertaan, dengan pelbagai video kreatif dan berinformasi. Melalui usaha ini, diharapkan generasi Malaysia Madani yang lebih peka dan bertanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar dapat dilahirkan.
8. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) atas kesudian merasmikan majlis pada hari ini.

9. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua rakan strategik JAS atas sokongan dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan Karnival Jom E-Waste 2024 ini, khususnya kepada Cenviro Sdn Bhd, Petroliam Nasional Berhad (Petronas), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Prasarana Malaysia Berhad, AEON Mall AU2 Setiawangsa, Micron Memory Malaysia Sdn Bhd, dan Durioo Sdn Bhd. Saya berharap lebih banyak pihak industri, badan korporat, dan swasta akan tampil untuk bersama-sama membantu kementerian dan JAS dalam meningkatkan kesedaran orang awam mengenai pengurusan alam sekitar dan e-waste yang lestari.
10. Sebelum mengakhiri ucapan saya, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Jikalau tuan mengangkat peti ,
Tolong masukkan buah bidara,
Masyarakat cakna bersatu hati ,
Ewaste dikitar, bumi terpelihara.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh.

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.